

# Seminar Pengaruh dan Sumbangan Masyarakat Tamil

**Seminar** Pengaruh dan Sumbangan Masyarakat Tamil/India di Melaka Sempena Sambutan Melaka 750 Tahun akan diadakan di Rumah Media, Ayer Keroh, pada 15 dan 16 Disember ini.

Tokoh Sejarah, Prof Emeritus Tan Sri Khoo Kay Kim, akan menyampaikan ucap tama dan Pensyarah Jabatan Pengajian India, Universiti Malaya (UM), Prof Emeritus Dr Singaravelu Sachithanatham yang menyorot hubungan kebudayaan antara kaum India dengan Melaka pada zaman purba.

Seorang lagi Pensyarah Jabatan Pengajian India, UM, Prof Dr M Rajantheran, akan menganalisis mitos pada hubungan kebudayaan India dengan alam Melayu dan Pensyarah Jabatan Sejarah UM, Dr Azharudin Mohamed Dali (kewujudan etnik India Muslim di Melaka).

Pensyarah Jabatan Sejarah UM, Ruzaini Fikri Mohd Azman meninjau sejarah kaum India sepanjang penjajahan Portugis dan rakan sejawatnya, Salina Zainol,

menyorot zaman Belanda.

Dalam konteks bahasa pula, Pensyarah Jabatan Pengajian India UM, Dr R Mohana Dass, akan membincangkan kunjungan pedagang dan penggunaan bahasa Tamil di Melaka.

Ketua Menteri, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, akan merasmikan seminar anjuran Perbadanan Muzium Melaka dan mendapat kerjasama Persatuan Tamil Melaka dan Jabatan Pengajian India UM dan diharapkan dapat menyatukan dapatan penyelidikan sejarah budaya Tamil dan India di rantau ini, khususnya pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

Yuran penyertaan RM50 dikenakan untuk peserta biasa dan RM10 (pelajar), manakala maklumat lanjut hubungi Syahidah Abu Sah atau Noor Azimah Md Ali dari Perbadanan Muzium Melaka di talian 06-2826526/2811289/2841934; faks 06-2826745; e-mel adminperzim@gmail.com atau lawati laman web [www.perzim.gov.my](http://www.perzim.gov.my).